



فُجَابَةُ فِرْبَنْدَهَارَانْ نَكْرِي كَلَنْتَنْ
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj.Kami : PKN.C.1-2/Jld.20 (25)
Tarikh : 29 Jamadil Akhir 1442H
11 Februari 2021

Ke majlis;

Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Kelantan

YB/YABhg. Dato'/YM/Tuan

PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 58 (a)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB/YABhg.Dato'/YM/Tuan, pembayaran di bawah AP58(a) bermaksud pembayaran yang memerlukan kebenaran khas bagi membayar baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa berkaitan dengan pertanggungan yang telah disempurnakan dan kena bayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lalu. Pembayaran ini akan menggunakan peruntukan tahun semasa.

3. Jabatan Audit Negara di dalam *Exit Conference* Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan telah membangkitkan isu kelewatan pembayaran AP58(a) di mana PTJ sepatutnya menyelesaikan pembayaran dengan segera selepas penutupan akaun tahunan. Bagi mengelakkan perkara seumpama ini berulang, YB/YABhg.Dato'/YM/Tuan hendaklah mematuhi AP 103(b) dengan menyelenggara suatu **daftar bil** yang bertujuan untuk menyemak bil/tuntutan yang belum dan telah dibayar supaya tidak melebihi 14 hari.

4. Sehubungan dengan itu, YB/YABhg.Dato'/YM/Tuan dipohon mengemukakan permohonan kelulusan bayaran di bawah AP58 (a) sebelum atau pada **31 Mac 2021** dengan mengemukakan Sijil AP58(a) serta justifikasi lengkap sebab-sebab pertanggungan berkenaan tidak sempat dibayar dalam tahun kewangan yang lalu. Sebarang ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan akan menyebabkan pembayaran perlu dibuat di bawah AP 59 dan dikenakan tindakan *surcharge*.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD RAHIM D.P.S.K (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan